

30 NOV 1999

PILIHAN RAYA-PRO PERNIAGAAN

KEMENANGAN 2/3 BSN PASTIKAN KESINAMBUNGAN DASAR PRO-PERNIAGAAN

KUALA LUMPUR, 30 Nov (Bernama) -- Sambil menyambut baik kemenangan majoriti dua pertiga yang dicapai oleh Barisan Nasional dalam pilihan raya umum ke-10, para penganalisis dan pengulas menegaskan bahawa kemenangan hebat itu akan memastikan kesinambungan pendirian pro-perniagaan kerajaan.

Dengan kejayaan barisan pemerintah itu mengekalkan kerajaan, para penganalisis juga yakin bahawa dasar-dasar ekonomi yang pragmatik akan terus dilaksanakan bagi faedah kalangan perniagaan serta kalangan pendudukan yang lain.

Mereka juga berkata bahawa mandat jelas yang diberikan kepada BN, ketidak tentuan yang wujud sebelum ini berhubung dengan sokongan rakyat terhadapnya, telah hapus sama sekali.

Franklin Tan, ketua penyelidikan di OCBC Securities (Melaka) Sdn Bhd, berkata, "Baguslah pilihan raya telahpun selesai. Dengan selesainya pilihan raya, sebarang ketidak tentuan politik yang muncul di pasaran sebelum ini sudah terhapus."

Menurut beliau keadaan yang lebih baik ini seharusnya mewujudkan banyak peluang bagi mengumpul saham dalam pasaran ekuiti.

Teoh Kok Lin, pengarah urusan HSBC (Research) Malaysia, berkata beliau percaya kemajuan ekonomi akan berterusan dan lajukan pertumbuhan negara ini tidak akan terhenti.

Sambil mengatakan bahawa beliau tidak terkejut dengan majoriti dua pertiga yang dicapai oleh BN, beliau menegaskan ia mencerminkan bahawa rakyat tetap inginkan kestabilan.

"Ini baik untuk perniagaan. Bagi sektor korporat, perniagaan akan berjalan seperti biasa dan ini amat penting."

Neil Saker, pakar ekonomi dari SG Securities, Singapura, berkata majoriti dua pertiga itu memang boleh diramalkan kecuali beberapa kejutan seperti kehilangan Trengganu kepada PAS.

Beliau juga berpendapat kekalahan Menteri Kewangan Kedua Datuk Mustapa Mohamad, yang dianggap sebagai orang kuat di Kelantan, merupakan sesuatu yang amat mengejutkan.

"Beliau (Mustapa) amat dihormati dalam pasaran, jadi saya pasti beliau akan dilantik sebagai senator dan dibawa masuk ke dalam barisan Kabinet sekali lagi," kata Saker. "Mustafa mahir dalam bidangnya dan beliau juga bagus bila menjelaskan sesuatu. Pada keseluruhannya beliau adalah menteri yang bagus."

Teoh dari HSBC merasakan dari segi dasar ekonomi, tidak ada sebarang masalah, terutama dengan kemenangan Menteri Kewangan Pertama Tun Daim Zainuddin yang mendapat majoriti besar di kerusi Parlimen Merbok.

"Beliau (Daim) akan kembali memegang jawatannya dan dengan demikian segala dasar kewangan dan fiskal tidak akan terjejas," katanya, sambil menambah bahawa adalah sesuatu yang menarik untuk melihat sama ada Mustapa dibawa ke dalam Kabinet semula.

PK Basu, seorang pakar ekonomi dari Credit Suisse First Boston yang beribu pejabat di Singapura, kemenangan dengan majoriti dua pertiga ini tidak akan memberi kesan segera ke atas ekonomi.

Tetapi, katanya, pemilihan semula ini akan memastikan kesinambungan dasar-dasar ekonomi.

Menyebut satu contoh, beliau berkata program penggabungan dan pengukuhan bank akan diteruskan manakala dasar-dasar monetori akan terus lebih longgar dengan dasar fiskal yang sederhana mengembang.

Teoh berkata pasaran akan menunggu penubuhan Kabinet baru dan pembentangan semula Belanjawan 2000 menjelang akhir tahun ini.

Para penganalisis berkata pilihan raya telah menghapuskan isu siapa yang akan memerintah. Bagaimanapun, kata mereka BN perlu sedar bahawa kekuatannya di kawasan-kawasan seperti Kedah, Perlis dan Trengganu telah merosot.

"Ini menunjukkan bahawa rakyat tidak puas hati dengan pembangunan di beberapa kawasan," kata Saker.

Mengenai kejayaan PAS mengambil alih kerajaan negeri Terengganu dan kesannya ke atas pelaburan asing, Saker berkata pelabur-pelabur mungkin menganggapnya sebagai isu jangka pendek.

"Pelabur-pelabur asing tidak seharusnya bimbang tentang PAS kerana mereka hanya memerintah pada peringkat negeri. Saya tidak menganggapnya sebagai isu besar," tambah beliau.

Beliau juga berkata beberapa persoalan serius mengenai ekonomi perlu diselesaikan bagi abad akan datang dan ini termasuk bagaimana mewujudkan pertumbuhan baru dari segi perisian.

"Bagaimana hendak membawa teknologi tinggi dalam perniagaan ke Malaysia adalah satu perkara yang harus ditangani. Mereka (kerajaan) juga telah melakukan banyak usaha untuk membawa masuk syarikat-syarikat multinasional ke negara ini. Kini adalah masanya untuk membawa pulang rakyat Malaysia yang berbakat dari luar negara," katanya.

Datuk Mohamad Izat Emir, Presiden Persatuan Peniaga dan Usahawan Melayu Malaysia dan pengarah Faber Bhd, berkata kemenangan parti Barisan Nasional dengan majoriti bererti kesinambungan kestabilan, kemajuan dan keamanan di negara ini.

Kata beliau masyarakat perniagaan yakin bahawa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan dapat membariskan Kabinet yang berkesan. --
BERNAMA

TM KY OS